

MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS
KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUT HARGA : MPK.Ps. SULIT 337

BERTARIKH : 01 JUN 2023

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **KONTRAKTOR BUMIPUTERA TEMPATAN** yang berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

SYARAT PENDAFTARAN	BUTIRAN TAWARAN	TAKLIMAT TAPAK
GRED G1 KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21 PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MENYELENGGARA KOLAM TAKUNGAN BANDAR BAHARU PUTRA HEIGHT, ARAU, MP KANGAR	- TIADA - (Syarikat / Kontraktor boleh melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan seperti yang dinyatakan di dalam dokumen tawaran. Sila patuhi amalan penjarakan fizikal, penggunaan <i>hand sanitizer</i> dan pemakaian pelitup muka adalah perlu diteruskan)

2. Naskah dokumen tawaran boleh dibeli dengan harga **RM 50.00** daripada **UNIT PEROLEHAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** di alamat **NO. 192, PERSIARAN JUBLI EMAS, 01000 KANGAR, PERLIS** mulai daripada :-

- A) TARIKH PENJUALAN DOKUMEN : 14 JUN 2023 (RABU) - 16 JUN 2023 (JUMAAT)**
- B) TARIKH TUTUP PENGHANTARAN DOKUMEN : 21 JUN 2023 (RABU)**
(TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00 TENGAHARI)
- C) MASA PENJUALAN DOKUMEN : 8.30 PAGI - 3.45 PETANG**
- D) WAKTU REHAT : 1.00 TENGAHARI - 2.15 PETANG (ISNIN - KHAMIS)**
: 12.00 TENGAHARI - 2.45 PETANG (JUMAAT)

3. Syarikat / kontraktor perlu membawa **DOKUMEN PENGENALAN DIRI, COP SYARIKAT** dan sijil-sijil pendaftaran seperti **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (CIDB), SIJIL KONTRAKTOR KERJA TARAF BUMIPUTERA** dan **SURAT KEBENARAN KHAS (CIDB) (JIKA BERKAITAN)** serta menyerahkan **SATU (1) SALINAN** bagi setiap sijil-sijil pendaftaran tersebut. **HANYA PENAMA YANG DITAULIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN** sahaja adalah dibenarkan untuk membuat pembelian dokumen tawaran tersebut. Wakil-wakil syarikat / kontraktor adalah tidak dibenarkan.
4. **DOKUMEN TAWARAN ASAL** yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakari dan bertulis **NO. SEBUT HARGA** dan **BUTIRAN TAWARAN** pada sampul surat serta dihantar supaya sampai ke **PETI TAWARAN DI MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** tidak lewat dari jam **12.00 TENGAHARI**. Dokumen tawaran yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.
5. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.